

TARIKH	20/4 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	18	RUANGAN	SETEMPAT

>>Oleh Siti A'isyah Sukaimi
sitiaisyah@hmetro.com.my

SEPANG: Kerajaan ber-setuju mengekalkan kos menunaikan haji pada tahun ini sebanyak RM9,980 walaupun kos penginapan jemaah di Tanah Suci meningkat 15 peratus berbanding tahun lalu, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom (*gambar*).

Namun, katanya, kadar berkenaan hanya untuk jemaah yang baru pertama kali ingin menunaikan ibadat haji, manakala jemaah haji kali kedua perlu membayar kos sebenar iaitu RM14,880 bagi muasasah.

"Untuk jemaah haji kali kedua, mereka tidak boleh mendaftar sehingga lima atau enam tahun selepas menunaikan ibadat haji pertama, memandangkan kita mengutamakan jemaah yang belum menunaikan haji.

"Bagaimanapun, kita mempertimbangkan setiap alasan dikemukakan antaranya yang pergi kerana menemani suami atau isteri serta mengiringi bakal jemaah haji kurang upaya," katanya pada

Kos tunai haji kekal

RM9,980 bagi jemaah kali pertama, jemaah kali kedua perlu bayar RM14,880



sidang media sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam, selepas menghadiri mesyuarat mengenai haji bersama Menteri Haji dan Wakaf Arab Saudi.

Dalam rangka lawatan kerja itu, Jamil Khir turut membuat tempahan 16 bangunan termasuk masing-masing tiga bangunan berhampiran Masjidil Haram di Makkah dan Madinah untuk penginapan jemaah haji Malaysia.

Mengenai kuota haji, Jamil Khir berkata, bilangan jemaah haji Malaysia yang akan menunaikan ibadat itu pada tahun ini kekal 28,000 jemaah, namun kerajaan berusaha membuat rayuan kepada kerajaan Arab Saudi untuk tambahan kuota itu.

"Dalam mesyuarat itu, saya mengambil kesempatan membuat rayuan tambahan. Hubungan dan kerjasama baik antara Malaysia dan kerajaan Arab Saudi diharap dapat memudahkan rayuan terhadap kuota itu.

"Sehingga kini, seramai 850,000 daripada lapan juta pendeposit Tabung Haji sudah mendaftar untuk menunaikan haji dan ada di kalangan mereka perlu menunggu giliran sehingga 36 tahun selepas mendaftar," katanya.

Tetapi, katanya, pendeposit Tabung Haji tidak perlu khuatir kerana pihaknya menjalankan pendekatan terbaik dengan mengutamakan mereka berusia 75 tahun ke atas.

Sementara itu, katanya, penerbangan haji tahun ini bermula pada 17 September depan manakala rombongan jemaah haji pertama yang akan pulang ke tanah air ialah pada 29 November.

"Sebanyak 50 peratus penerbangan melalui Arab Saudi manakala 50 peratus lagi

Perbandingan kos menunaikan haji di beberapa negara di Asia Tenggara

Malaysia	RM9,980
Thailand	RM16,000
Indonesia	RM15,000-RM18,000 (berbeza mengikut lokasi)
Singapura	RM18,000
Brunel	RM18,000

tender baru yang dibuka kepada 11 syarikat penerbangan lain," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, kerajaan merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan Arab Saudi kerana merawat seorag jemaah haji Malaysia

yang koma dan dimasukkan ke Hospital King Abdullah sejak musim-haji tahun lalu.

"Jemaah itu, Omar Din, 77, berasal dari Alor Setar, Kedah dimasukkan ke hospital berkenaan sejak 2 Novemb tahun lalu dan masih belum sedar dari koma," katanya.